
[BIL. 31 MEI 2019](#)

UMP terima Naib Canselor Keempat

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff memulakan tugas sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang pada jawatan tersebut untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 16 Mei 2019 hingga 15 Mei 2022.

Beliau yang merupakan Naib Canselor UMP keempat menerima dokumen serahan tugas daripada marhalah Daing Nasir Ibrahim yang telah tamat tempoh pelantikan pada 15 Mei 2019.

Hadir menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Naib Canselor ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, yang lalu di Dewan Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan.

Profesor. Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, turut menyatakan penghargaan dan terima kasih Profesor. Ir. Dr. Wan Yusoff perkhidmatan cemerlang beliau sebagai Naib Canselor ketiga menerajui UMP selama 11 tahun.

“Secara peribadi, saya telah berpeluang untuk belajar banyak perkara dengan kepimpinan beliau di UMP.

“Tentu sekali saya amat berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk memegang p

“Ruang dan peluang yang diberikan selama ini telah digunakan sedaya mungkin untuk memperbaiki pengetahuan seluas-luasnya,” katanya.

Ujar beliau lagi, pengalaman dan pengetahuan yang telah ditimba itulah, insya-Allah menjadi sumber sebagai Naib Canselor universiti ini.

Profesor. Ir. Dr. Wan Azhar yang berasal dari Pasir Putih, Kelantan memiliki kelulusan Sarjana Muda di Universiti Michigan Ann Arbor, USA (1990), Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal di Rensselaer Polytechnic Institute, USA (1994) dan Falsafah (Teknologi Pembuatan Termaju) di Universiti Sains Malaysia (2004).

Sebelum ini beliau merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP yang dilantik sejak 2012.

Beliau mula berkhidmat sebagai pensyarah UMP di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) sejak tahun 2000.

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, 52 juga pernah memegang jawatan sebagai Dekan di Fakulti Kejuruteraan Perindustrian dan Mekanikal (FKM) UMP dari tahun 2012.

Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik UMP dari tahun 2011

Bagi Dato' Sri Ibrahim pula, dengan pelantikan ini, beliau berharap agar UMP akan terus mengekalkan terunggul lima bintang dalam menerajui bidang kejuruteraan dan teknologi bukan sahaja di Malaysia malah

“Pihak universiti ingin merakamkan terima kasih Naib Canselor UMP ketiga, Profesor Dato' Sri Dr. Da Transformasi' universiti ini dan telah menyumbang dalam memartabatkan UMP menjadi antara universiti te

“Berada pada landasan terbaik, UMP akan terus memperkasa latihan kemahiran Pendidikan Teknikal da seperti yang dihasratkan Menteri Pendidikan serta sentiasa memastikan pembentukan kurikulum akade disokong oleh staf yang kompeten dan profesional serta menjadikan infrastruktur akademik lebih efis masyarakat,” ujarnya lagi.

UMP rangkul Anugerah Buku Negara

Buku berjudul 'Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah' terbitan Penerbit Universiti Malaysia Pahang (Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) iaitu Dr. Rashidi Abb (ABN 2019) bagi Buku Umum Terbaik (Kategori Pendidikan) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kua

Menurut Dr. Rashidi, penghasilan buku ini bagi melihat sejauh mana perkembangan pendidikan tahfiz s kalangan huffaz, khususnya dalam dimensi kemahiran generik dalam konteks untuk berdepan dengan cab

“Sebanyak tujuh elemen kemahiran generik dikongsikan dalam memastikan keseimbangan seorang hafid kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan, pembelajaran keusahawanan, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan.

“Buku ini juga sebagai menyokong hasrat kerajaan yang menyasarkan bagi melahirkan 125,000 orang Huffaz dan melahirkan generasi ulul albab yang beriman dan bertakwa.

“Huffaz yang telah dilahirkan perlu dibentuk menjadi pemimpin dan tenaga kerja profesional dan bukan ter juga merupakan buku penyelidikan dalam meningkatkan kemahiran al-Quran dalam kalangan pelajar,” kata

Dr. Rashidi turut berpeluang berkongsi pengalaman menerusi kupasan buku ini dalam Program [Sharing@E](#) dimanfaatkan oleh warga kampus dan masyarakat setempat.

Bagi orang ramai yang berhasrat mendapatkan buku dengan 156 muka surat ini boleh menghubungi Pe atau 012-9661375 (Rohaizad).

***Pest Killa* produk inovatif terbaik raih 2 Anuger**

Produk mesra alam iaitu *Pest Killa* yang dihasilkan daripada pokok *Derris Elliptica* atau dikenali sebagai perosak seperti semut, lipas, lalat, nyamuk, charlie, bubuk, hama, pepijat, termasuk lipan juga cicak telah menjadi produk paling inovatif apabila dinobatkan pemenang anugerah '*Malaysian Innovative Product Award 2019*' bagi kategori *Malaysian Product Innovative Award*.

Anugerah itu diterima bersempena *30th International Invention Innovation & Technology Exhibition (ITEX)* Convention Centre (KLCC) pada 4 Mei 2019 yang lalu.

Produk keluaran UMP Ecopest Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat terbitan Universiti Malaysia Perlis (*DIY Best Repellent As A Green Technology Product*) merupakan hasil kajian penyelidikan daripada Fakulti Kejuruteraan (FKASA), Ir. Abd Syukor Abd Razak bersama penyelidik lain, Suryati Sulaiman dan Mohamad Fikri Abdul Ghani.

Menurut Ir. Abd Syukor yang merupakan Pengarah Urusan UMP Ecopest Sdn. Bhd., produk *Pest Killa* ini adalah produk yang diperolehi daripada pengekstrakan pokok *Derris Elliptica* (Pokok Tuba).

"Ia merupakan produk mesra alam dan sesuai untuk semburan pada meja makan, kabinet dan kawasan tandas."

Penganjuran kali ini menyaksikan UMP membawa pulang dua anugerah khas, tujuh pingat emas dan 20 pingat perak.

Enam lagi pingat emas diraih Profesor Madya Dr. Haji Mohd Yuhyi Mohd Tadza dengan projek bertajuk '*Back Against Lightning*' dan Suryati Sulaiman dengan kajiannya bertajuk '*FRAPTER: A Novel Fiber Filter Area*' yang masing-masing dari FKASA.

Manakala pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Mohammad Baihaqi Hassan dengan kajiannya bertajuk '*Arabic Mumtiah*' dan Rosjuliana Hidayu Rosli dengan kajiannya yang bertajuk "EL Resala.Arabic" masing-masing dari PBMSK.

Pingat emas turut dimenangi Dr. Mohammed Nazmus Shakib dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan projek bertajuk '*Implantable Antenna*' dan Dr. Lee Chia Kuang dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dengan tajuk projek '*Management Modular Based On Risk Simulator*'.

Dalam pada itu, sebanyak 20 penyelidikan UMP meraih pingat perak antaranya Dr. Diyana Kamarudin dan (BMKT) - Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) *'Hand Signal App For The Hearing Impaired'*; Dr. Mohamad Hilmi *'Method In Mastering The Rules of Five'* (Nun Sakinah And Tanwin) dan Mardhiyyah Zamani, *'Nahw Sahf Grammar'*.

Lain-lain Dr. Siti Noor Hidayah Mustapha, *'G-PALMDEC-PU Green Palm Coat: Eco Friendly Coating Material'*; Roslan, *'(CNC): Cellulose Nanocrystal Via Microwave-Assisted Oxidative Hydrolysis of Empty Fruit Bunch'*; *'Ranking Method: Fuzzy-Based Multi-Criteria Decision Making'*; Dr. Kohbalan Moorthy, *'Gene Regulation Based On Passing Attributes Between Network for Data Assimilation in Python'*.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli, pamer memberikan peluang penyelidik menjalinkan kolaborasi dan kerjasama dengan pihak industri yang hadir sahaja.

Penyelidikan beliau bertajuk *'Boceds: A Buffer-Based Online Clustering For Evolving Data Stream'* turut memenangi pingat.

Dalam pada itu, pihaknya turut berbangga apabila reruai UMP yang berkonsepkan *'Glimpses of Glory'* dinobatkan sebagai *'Best Booth Design – Bronze'* di ITEX 2019.

Program Juara empower ECER tingkat pencapaian p

Seramai 81 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam tiga peperiksaan utama tahun lalu.

(UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dirai dalam Majlis Kecemerlangan yang diadakan di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 2 Mei 2019 yang lalu.

Mereka terdiri daripada tiga orang pelajar Orang Asli yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan keputusan 5A dan ke atas dalam peperiksaan PT3 serta 26 orang pelajar cemerlang SPM.

Program Latihan Akademik Empower ECER yang dilaksanakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Majlis Pendidikan Negeri Pahang Timur (ECERDC) ini melibatkan 22 sekolah luar bandar dalam melonjakkan prestasi akademik para pelajar Kuantan yang terpilih sebagai penerima manfaat daripada inisiatif ini.

Program ini dikendalikan secara bersama UMP Advanced Education dan Persatuan Wanita UMP (Mata pelajaran pembangunan akademik bagi anak-anak serta peningkatan pendapatan bagi golongan belia, ibu tunggal Kuantan dan Bera terutamanya yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Hadir menyampaikan hadiah dan sijil adalah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hajah Fuziah S

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Haluan Yuserrie Zainuddin dan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Negeri Pahang ECERDC, Dato' Haji Mohd. M. Eksekutif UMP Advanced Education, Profesor Madya Dr. Rashid Ab. Hamid dan Presiden Persatuan Wanita Abdul Munaim.

Hadir sama Pengarah Pendidikan Negeri Pahang, Dato' Dr. Haji Tajuddin Mohd. Yunus, Penasihat Peperiksaan dan Pengurus Besar UMP Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas, UMP Advanced Education, Zainal Bahari.

Menurut Hajah Fuziah, pihaknya berbangga dengan impak program empower ECER yang dilaksanakan dan pendapatan peserta dewasa serta menghasilkan kecemerlangan akademik dalam kalangan peserta di

"Dengan pencapaian cemerlang ini para pelajar diiktiraf sebagai Juara empower ECER yang diharap ma bagi pelajar serta program yang lain," katanya yang turut menasihatkan pelajar agar terus mencipta kejayaan

Tambah beliau lagi, mengekalkan momentum adalah lebih sukar daripada usaha untuk mencapai ke suatu

"Oleh itu, masih banyak ruang untuk kita sama-sama mempertingkatkan usaha yang secara langsung jika positif kepada semua.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Yuserrie berkata, kejayaan peserta yang mengikuti latihan tersebut be berjaya pada masa akan datang.

"UMP menyedari kepentingan peranannya dalam membantu usaha kerajaan bagi mentransformasikan kepakaran dan keupayaan dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat, latihan akademik dan teknologi Naib Canselor UMP.

Selain itu, beliau percaya dengan kerjasama rapat semua agensi yang terlibat serta sokongan padu K mentransformasi landskap pendidikan dan sosioekonomi dalam kalangan penerima manfaat ini dalam jang

Sehingga kini, seramai 50,000 peserta daripada seluruh ECER menerima manfaat dalam program empower

Malahan di negeri Pahang sahaja terdapat 37,491 peserta empower ECER merangkumi 28,361 peserta La

Mahasiswa UMP imarahkan Ramadan bersama komu

Dalam menghidupkan penghayatan di bulan Ramadan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Masyarakat pada 11 Mei 2019 yang merupakan salah satu program mendekati mahasiswa dengan kom

Program ini adalah anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Luar Kampus (PMLK), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (MPP), Persatuan Penduduk Perumahan Makmur Gambang Jaya, Persatuan Staf Akademik UMP Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, p untuk menjalinkan hubungan antara PMLK bersama masyarakat luar.

"Program ini sebagai salah satu platform yang baik kepada UMP dalam membantu mahasiswa luar menjalinkan hubungan yang lebih mesra bersama masyarakat luar," katanya.

Lebih menarik pihaknya menerima sumbangan bahan-bahan mentah termasuk ikan dan sayur-sayuran dan

Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif UMP *Campus Pantry* dan *MyGift* UMP yang dilaksanakan yang dapat membantu mahasiswa yang memerlukan dan kini ianya bukan sahaja dapat dimanfaatkan bu kampus serta masyarakat setempat.

Sementara tu, menurut Dr. Rohana Hamzah yang merupakan Ketua Jabatan Kemahiran Insaniah, PBM mementingkan pembangunan diri mahasiswa secara holistik.

"Oleh itu membangunkan kepimpinan mahasiswa luar kampus adalah satu keperluan memandangkan s mencabar membuka ruang dan peluang kepada pembangunan jati diri mahasiswa UMP dalam kehidupan s

“Secara tidak langsung PMLK boleh dijadikan platform untuk memasyarakatkan mahasiswa UMP dan masyarakat apabila mereka bergraduan nanti,” katanya.

Manakala menurut Pengarah Program Iftar Perdana Mahasiswa Masyarakat, Muhd. Haziq Abdul Halim, yang kurang berkemampuan dalam menyediakan juadah berbuka puasa.

“Malahan program juga mengeratkan silaturahim apabila dapat memasak juadah berbuka dengan bergotong penduduk setempat,” ujar beliau.

Lebih 500 tetamu hadir dalam program iftar dengan juadah istimewa iaitu Ayam Masak Kurma, Ayam Masak buah-buahan dan pencuci mulut.

Turut diadakan ceramah Ihya Ramadan yang disampaikan pensyarah UMP, Dr. Mohd Suharmi Mat Jusoh.

Hadir sama Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr Muhammad Nubli Abdul Wahab, Ketua Balai Polis Gangan Kanan Unit Kebajikan JHEPA, Azlina Abdul Mubin, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Zakwan Perumahan Makmur Gambang Jaya, Wan Esa Wan Mohd mewakili Jawatankuasa Kampung.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak mewakili pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang disiarkan adalah kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan data.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



-
- 154 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

